


- 1 Antara berikut yang manakah merujuk kepada keperluan rohani mengikut Abraham Maslow ?
- A Mendapat rawatan kesihatan di klinik swasta
 - B Mencapai cita-cita untuk menjadi seorang polis
 - C Memperolehi penghargaan di atas kejayaan PMR
 - D Memerlukan tempat perlindungan untuk terus hidup
- 2 Siapakah yang terlibat dalam industri pembinaan ?
- A Operator pengeluaran
 - B Kontraktor pembinaan
 - C Pelombong emas
 - D Ejen insurans
- 3 Pernyataan yang manakah menunjukkan kelemahan pengkhususan ?
- A Menjimatkan kos melatih
 - B Menikmati ekonomi bidangan
 - C Menghasilkan keluaran yang standard
 - D Meningkatkan kecekapan di kalangan pekerja
- 4 Antara yang berikut, manakah yang berkaitan peranan usahawan kepada masyarakat ?
- I Mempromosi produknya
 - II Mewujudkan peluang pekerjaan
 - III Memenuhi keperluan dan kehendak manusia
 - IV Melindungi pekerjaanya dengan membeli insurans
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 5 Apakah syarat yang membolehkan sistem barter berlaku ?
- A Barang mudah dibawa
 - B Kurang kerosakan barang
 - C Nilai barang stabil
 - D Kemahuan serentak
- 6 Apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan ?
- A Mengagihkan barangan daripada pengeluar kepada pengguna akhir
 - B Membeli dan menjual barangan untuk mendapatkan keuntungan
 - C Menumpukan kepada bidang tugas mengikut kemahiran tertentu
 - D Memproses bahan mentah bagi menghasilkan barang siap
- 7 Maklumat berikut berkaitan sejenis bantuan perniagaan.



Apakah bantuan perniagaan tersebut ?

- A Pengangkutan
- B Pergudangan
- C Komunikasi
- D Promosi

- 8 Rajah menunjukkan cabang perniagaan.



- Apakah cabang perniagaan P ?
- A Entreport
 - B Perdagangan
 - C Bantuan Perniagaan
 - D Runcit dan Borong
- 9 Antara berikut, yang manakah fungsi peruncit ?
- I Memberi khidmat selepas jualan
 - II Mempastikan bekalan mencukupi
 - III Melakukan kerja-kerja akhir
 - IV Menstabilkan harga barang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10 Maklumat berikut berkaitan sejenis ejen.

- Guna rangkaian rakan niaga untuk memasarkan barang
- Contoh: EON menjadi ejen kepada Proton

Apakah jenis ejen tersebut ?

- A Broker
 - B Ejen pengeluar
 - C Ejen penjual
 - D Pemborong
- 11 Antara berikut, yang manakah pemborong berfungsi penuh.
- A Pemborong pesanan mel
 - B Pemborong jobber para
 - C Pemborong satu barisan
 - D Pemborong bayar dan bawa
- 12 Apakah dokumen yang dihantar oleh penjual untuk mengurangkan hutang pembeli ?
- A Nota Kredit
 - B Nota Debit
 - C Invois
 - D Resit

13. Gambar menunjukkan barang yang dibeli secara sewa beli.

	<p>V-TECH KOMPUTER 2012</p> <p>Tunai - RM2500</p> <p>Kredit</p> <p>Deposit - RM600</p> <p>Bayaran bulanan - 100 X 24 bulan</p>
---	--

Hitungkan jumlah faedah yang perlu dibayar untuk belian secara kredit?

- A RM 2 400
 - B RM 1 900
 - C RM 600
 - D RM 500
- 14 Maklumat berikut berkaitan situasi perniagaan antarabangsa antara Malaysia dan New Zealand.

<p>Malaysia mengeksport kelapa sawit ke New Zealand</p> <p>New Zealand pula mengeksport buah kiwi dan hasil tenusu ke Malaysia</p>
--

Apakah faktor wujudnya situasi tersebut ?

- A Perbezaan cita rasa
- B Perbezaan teknologi
- C Perbezaan pendapatan
- D Perbezaan bentuk muka bumi

- 15 Apakah dokumen yang dikeluarkan oleh dewan perniagaan negara pengeksport bagi mengesahkan negara asal yang mengeluarkan barang tersebut.
- A Inden
 - B Sijil Asal Usul
 - C Invois Eksport
 - D Invois Konsular
- 16 Antara berikut, yang manakah menerangkan ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ?
- A Mesin pengeluaran berteknologi tinggi digunakan
 - B Nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta
 - C Bilangan pekerja melebihi 150 orang
 - D Pekerja terdiri daripada ahli keluarga
- 17 Pernyataan yang manakah berkaitan Syarikat Awam Berhad ?
- A Pemegang syer menanggung liabiliti terhad
 - B Syer boleh dipindah milik dengan kebenaran
 - C Modal diperolehi daripada jualan syer kepada ahlinya
 - D Bilangan pemegang syer sekurang-kurangnya 2 – 50 orang
- 18 Bagaimanakah dasar penswastaaan dapat memberi faedah kepada orang ramai ?
- A Mendapat perkhidmatan dengan harga yang rendah
 - B Menikmati perkhidmatan yang lebih cekap
 - C Mengelakkan pembaziran sumber
 - D Mengurangkan beban kewangan
- 19 Pernyataan manakah berkaitan pelaburan dalam harta tanah ?
- A Pulangan dalam bentuk dividen
 - B Aset dimiliki boleh disewa
 - C Pelaburan berisiko rendah
 - D Aset mudah cair

20 Maklumat berikut berkaitan sejenis pelaburan.

- Pelaburan berisiko rendah
- Mudah ditunaikan
- Pulangan dalam bentuk dividen

Antara yang berikut, manakah jenis pelaburan tersebut ?

- I Saham
 - II Harta tanah
 - III Unit Amanah
 - IV Simpanan tetap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 21 Antara yang berikut, manakah merupakan ciri perbankan konvensional ?
- I Faedah dikenakan kepada peminjam
 - II Mengamalkan prinsip keadilan
 - III Keuntungan maksimum dari pelaburan
 - IV Faedah diberi kepada penyimpan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

22 Maklumat berikut berkaitan kemudahan pembiayaan..

- ❖ Aset berharga dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman
- ❖ Gagal jelaskan pinjaman, cagaran dijual oleh pihak bank

Apakah kemudahan pembiayaan tersebut ?

- A Al-Rahnu (Pajak Gadai Islam)
 - B Kafalah (Jaminan)
 - C Ijarah (Pajakan)
 - D Mudharabah
- 23 Apakah peranan insured kepada insurer ?
- A Memberi perlindungan
 - B Menjelaskan pampasan
 - C Membayar premium
 - D Menerima komisen
- 24 Maklumat berikut berkaitan sejenis prinsip insurans.

Encik Syamel ingin mengambil polisi insurans bagi melindungi kedai gunting yang disewanya.
Syarikat insurans enggan menerimanya


Apakah prinsip yang menyebabkan syarikat insurans enggan menerimanya ?

- A Indemniti
- B Penuh Percaya Mutlak
- C Doktrin Sebab Hampiran
- D Kepentingan Boleh Insurans

- 25 Encik Ibnu Sina membeli polisi insurans kebakaran daripada Syarikat Insurans Ceria bernilai RM45 000 dan Syarikat Insurans Selamat bernilai RM65 000 untuk melindungi premis perniagaannya.

Jika premisnya terbakar dan nilai kerugian adalah RM50 000, berapakah pampasan yang akan diterimanya ?

- A RM45 000
 - B RM50 000
 - C RM55 000
 - D RM65 000
- 26 Rajah menunjukkan cabang jenis pengangkutan.



Pernyataan manakah berkaitan jenis pengangkutan X ?

- A Sesuai untuk mengangkut barang pukal dan berat
 - B Tidak belayar mengikut laluan dan jadual yang tetap
 - C Belayar mengikut laluan dan singgah di pelabuhan tertentu
 - D Penghubung bandar dan pelabuhan untuk bertukar hasil keluaran
- 27 Pernyataan manakah berkaitan tugas Jabatan Penerbangan Awam (DCA) ?
- A Mengadakan perjanjian penerbangan dan hak pendaratan
 - B Menyediakan perkhidmatan penerbangan yang selamat
 - C Mempormosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan
 - D Meningkatkan kecekapan dalam bidang pengendalian kargo

28 Antara berikut, yang manakah menerangkan Pengangkutan Antarabangsa Routier ?

- I Meningkatkan kos pengangkutan dan pengendalian
 - II Memerlukan satu sistem pengangkutan bersepadu
 - III Mengurangkan proses dokumentasi dan pemeriksaan kastam
 - IV Memudahkan penghantaran kontena melalui negara perantara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29 Rajah menunjukkan cabang perkhidmatan pos.



Antara berikut, manakah jenis perkhidmatan pos di Q ?

- A Wang pos
- B Peket kecil
- C Bahan bercetak
- D Mesin frangki

- 30 Puan Hayati pengurus Resort D'Idaman mengarahkan pegawainya menghantar pakej pelancungan dan gambar yang dikehendaki oleh Kelab Guru dan Kakitangan SMK Jengka Jaya dengan segera.

Apakah jenis perkhidmatan bercetak yang perlu digunakan oleh pegawai tersebut ?

- A E-Mel
 - B MAYPAC
 - C Internet
 - D Telefaks
- 31 Maklumat berikut berkaitan jenis perkhidmatan lain yang ada Pos Malaysia.


- ♣ Digunakan oleh pengembara yang tidak mempunyai alamat tetap
- ♣ Disediakan untuk tempoh tiga bulan

Apakah jenis perkhidmatan lain tersebut ?

- A Khidmat beg berkunci
 - B Peti simpanan malam
 - C Poste Restante
 - D Kiriman wang
- 32 Antara yang berikut, manakah peranan pergudangan ?
- I Menjamin bekalan berterusan
 - II Meluaskan liputan pasaran
 - III Memantapkan imej keluaran
 - IV Melakukan kerja-kerja akhir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33 Apakah kepentingan gudang berbon ?
- A Membolehkan penjualan secara besar-besaran
 - B Menyimpan barang-barang secara pukal
 - C Membantu menstabilkan harga barang
 - D Menangguhkan pembayaran cukai

- 34 Rajah menunjukkan cabang jenis pengiklanan.



Slogan iklan yang manakah mewakili P ?

- A Minuman Ribena baik untuk kesihatan anda
 - B Pelembap Snow White melicinkan kulit kering
 - C Pertandingan Muay Thai berlansung di Balora Mastika
 - D Sabun ABC lebih buih untuk menghilangkan kekotoran degil
- 35 Syarikat Ajmal Drink Food Sendirian Berhad merupakan pengeluar jus minuman di Bera, Pahang. Syarikat ini mengeluarkan jus minuman baru berperisa delima dan berhasrat untuk mempromosikan produknya di tempatnya.

Apakah media yang sesuai digunakan ?

- A Halaman kunig
- B Televisyen
- C Katalog
- D Sampel

- 36 Pernyataan manakah merujuk kepada peranan PKKM (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia).
- A Kemudahan infrastruktur dan ruang niaga
 - B Penyelidikan dan pembangunan
 - C Latihan dan pengurusan
 - D Promosi dan pemasaran

- 37 Pernyataan berikut berkaitan hak pengguna.

Setiap peniaga wajib meletakkan tanda harga pada barang mengikut Akta Kawalan Harga 1946

Apakah hak pengguna tersebut ?

- A Hak mendapat maklumat
 - B Hak mendapat perwakilan
 - C Hak mendapat keselamatan
 - D Hak mendapat mendapat ganti rugi
- 38 Puteri Saadiah telah membeli sejenis krim muka berjenama “SERI”. Setelah menggunakan krim itu selama seminggu, beliau mendapati kulit mukanya mengelupas dan berbintik-bintik.

Pihak yang manakah boleh membantu Puteri Saadiah untuk menuntut ganti rugi ?

- A Persatuan pengeluar
- B Kementerian Kesihatan
- C Tribunal Tuntutan Pengguna
- D Persatuan Pengguna

Pilih jawapan bagi soalan 39 dan soalan 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39 I Diskaun niaga diberi penjual untuk menggalakkan pembeli membeli lebih banyak
II Diskaun tunai diberi untuk menggalakkan pembeli membayar hutang dengan cepat.
- 40 I Insurans Takaful bebas daripada unsur ketidakpastian, riba dan perjudian.
II Insurans konvensional tidak menerima faedah atas pinjaman yang diberi kepada insured

KERTAS SOALAN TAMAT